

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 26 Februari, 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BANCI MALAYSIA 2020: MUKIM, BANDAR DAN PEKAN

557 DARIPADA 1,065 MUKIM TELAH MENCAPAI KATEGORI MENUA DENGAN LEBIH 7.0 PERATUS PENDUDUK UMUR TUA

PUTRAJAYA, 26 FEBRUARI 2024 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan **Penerbitan Banci Malaysia 2020: Mukim, Bandar dan Pekan** berdasarkan penemuan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Penerbitan ini memaparkan statistik yang meliputi penduduk, jantina, kumpulan etnik, kumpulan umur, tempat kediaman, isi rumah, purata saiz isi rumah dan nisbah tanggungan di peringkat Mukim, Bandar dan Pekan.

Terdapat 1,730 Mukim, Bandar dan Pekan di Semenanjung Malaysia yang merangkumi 13 negeri seperti yang dinyatakan dalam Kanun Tanah Negara (Disemak - 2020) (Akta 828). Daripada jumlah tersebut, 1,065 ialah Mukim, 260 ialah Bandar dan 405 ialah Pekan. Bagi Sarawak, Sabah dan W.P. Labuan, sempadan statistik adalah berdasarkan pewartaan pusat pentadbiran negeri dan Banci Malaysia 2020 di mana persempadanan data statistik adalah berdasarkan peringkat Negeri, Bahagian dan Daerah/ Daerah Kecil (tanpa Mukim, Bandar dan Pekan).

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Terdapat 557 daripada 1,065 Mukim yang telah mencapai kategori menua dengan lebih daripada 7.0 peratus. Manakala, daripada 260 Bandar, 155 telah mencapai kategori menua. Seterusnya, 50 peratus Pekan telah mencapai kategori menua. Jumlah penduduk tertinggi bagi umur 0-14 tahun adalah Mukim Ayer Molek, Melaka (73.4%), manakala bagi umur 15-64 tahun adalah Mukim Pulau Babi,

Johor (96.2%). Mukim Kerling, Selangor mencatatkan penduduk tertinggi bagi umur 65 tahun dan lebih pada 25.2 peratus”.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas, “Penduduk di Mukim meningkat daripada 15.3 juta pada 2010 kepada 18.6 juta pada 2020. Pada masa yang sama, penduduk di Bandar meningkat kepada 5.9 juta pada 2020 berbanding dengan 5.0 juta pada 2010. Sementara itu, Pekan mencatatkan taburan penduduk 2.0 juta pada 2020 (2010: 1.6 juta)”.

Seterusnya, Ketua Perangkawan turut menjelaskan, “Bilangan tempat kediaman bagi Mukim berjumlah 5.6 juta, manakala Bandar mencatatkan 1.9 juta dan Pekan dengan 0.6 juta tempat kediaman pada tahun 2020. Mukim Hulu Kinta, Perak merekodkan bilangan tempat kediaman tertinggi bagi Mukim (0.2 juta), manakala bagi Bandar, Bandar Ampang, Selangor merekodkan bilangan tempat kediaman tertinggi (0.1 juta) dan Pekan Baru Sungai Buloh, Selangor mencatatkan bilangan tempat kediaman tertinggi bagi Pekan (0.04 juta). Mukim Pulai, Johor merekodkan bilangan tempat kediaman kosong tertinggi iaitu 0.05 juta”.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin

tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU adalah untuk memastikan rakyat Malaysia tidak terpicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:


i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721

ii) Pertanyaan secara online melalui SISPA : <https://padu.spab.gov.my>.


**Paparan 1: Bilangan taburan penduduk mengikut Mukim, Bandar dan Pekan,
Semenanjung Malaysia, 2010 dan 2020**




**Carta 1: Taburan penduduk tiga tertinggi mengikut Mukim, Bandar dan Pekan,
Semenanjung Malaysia, 2020**



Carta 2: Bilangan tempat kediaman tiga tertinggi mengikut Mukim, Bandar dan Pekan, Semenanjung Malaysia, 2020



Paparan 2: Peratusan penduduk mengikut kumpulan umur dan Mukim, Bandar dan Pekan, Semenanjung Malaysia, 2020



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 FEBRUARI 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, February 26th, 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

***MEDIA STATEMENT
FOR MYCENSUS 2020: MUKIM, TOWN AND PEKAN***

***557 OUT OF 1,065 MUKIM HAVE REACHED AGEING LEVEL WITH MORE
THAN 7.0 PER CENT PERSONS AGED 65 YEARS AND OVER***

*PUTRAJAYA, 26 FEBRUARY 2024 - The Department of Statistics Malaysia (DOSM) releases **Publication of MyCensus 2020: Mukim, Town and Pekan** based on the findings from Population and Housing Census of Malaysia 2020 (MyCensus 2020). This publication features statistics on number of population, sex, ethnic group, age group, living quarters, household, average of household size and dependency ratio at Mukim, Town and Pekan levels.*

Peninsular Malaysia consist of 1,730 administrative entities, namely Mukim, Town, and Pekan, distributed across 13 states as delineated by the National Land Code (Revised - 2020) (Act 828). Out of this total, Mukim constituted 1,065, Towns 260 and Pekan accounted for 405. For Sarawak, Sabah and W.P. Labuan, the statistical boundaries are in accordance to the gazette of the state administrative centre and MyCensus 2020, whereby the statistical data demarcation was based on the state, division and district/ sub-district level (without Mukim, Town and Pekan).

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "There are 557 out of 1,065 Mukim that have reached the ageing category

with more than 7.0 per cent persons aged 65 years and over. Meanwhile, out of 260 Town, 155 have fall into the ageing group. For Pekan, about 50 per cent of Pekan have reached the ageing category. The highest population for age 0-14 years was in Mukim Ayer Molek, Melaka (73.4%), while 15-64 years was in Mukim Pulau Babi, Johor (96.2%). Mukim Kerling, Selangor recorded the highest population in 65 years and over with 25.2 per cent”.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “The population of Mukim in Peninsular Malaysia increased from 15.3 million in 2010 to 18.6 million in 2020. Concurrently, population of Town increased to 5.9 million in 2020 as compared to 5.0 million in 2010, while Pekan recorded 2.0 million persons in 2020 (2010: 1.6 million)”.

The Chief Statistician further commented, “The number of living quarters for Mukim totalled 5.6 million, while Town registered 1.9 million and Pekan with 0.6 million in 2020. Mukim Hulu Kinta, Perak recorded the highest number of living quarters for Mukim (0.2 million), while for Town, Bandar Ampang, Selangor recorded the highest number of living quarters (0.1 million) and Pekan Baru Sungai Buloh, Selangor recorded the highest number of living quarters for Pekan (0.04 million). Mukim Pulai, Johor recorded the highest number of vacant living quarters at 0.05 million”.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Exhibit 1: Number of population by Mukim, Town and Pekan, Peninsular Malaysia, 2010 and 2020



Chart 1: Top three highest number of population by Mukim, Town and Pekan, Peninsular Malaysia, 2020




Chart 2: Top three highest number of living quarters by Mukim, Town and Pekan, Peninsular Malaysia, 2020





Exhibit 2: Percentage of population by age group and Mukim, Town and Pekan, Peninsular Malaysia, 2020



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
26 FEBRUARY 2024**